IBADAH

TAHUN 3

TAYAMUM

PENGERTIAN TAYAMUM

Menyapu debu pada anggota tayamum dengan rukun dan syarat tertentu sebagai ganti kepada wuduk dan mandi wajib.

ANGGOTA TAYAMUM

1) Muka
2) Kedua belah tangan hingga kesiku

RUKUN TAYAMUM

1) Niat
2) Menyapu muka
3) Menyapu kedua belah tangan hingga kesiku
4) Tertib

SYARAT-SYARAT TAYAMUM

1) Ada halangan menggunakan air
2) Ketiadaan air
3) Bekalan air terhad
4) Sakit yang tidak boleh terkena air
5) Debu tanah yang suci
6) Yakin telah masuk waktu solat

PERKARA SUNAT TAYAMUM

1) Menyapu muka melebihi had wajib sapu
2) Menghadap kiblat
3) Didahului dengan tangan kanan
4) Meregangkan jari
5) Menyapu muka dari atas kebawah
6) Menyelati anak-anak jari supaya sampai debu diantaranya
7) Membaca basmalah
8) Membaca doa selepas tayamum

PERKARA YANG MEMBATALKAN TAYAMUM

1) Semua perkara yang membatalkan wuduk juga membatalkan tayamum
2) Mengetahui ada air
3) Murtad

HUKUM TAYAMUM

Harus

(Ustazah Azizah)

Scanned by CamScanner

MANDI WAJIB

PENGERTIAN MANDI WAJIB

Mandi yang dilakukan bagi seseorang yangberhadas besar atau mati selain mati syahid.

SEBAB-SEBAB MANDI WAJIB

1) Keluar air mani
2) Kedatangan haid
3) Nifas
4) Wiladah
5) Bersetubuh
6) Mati selain mati syahid

RUKUN MANDI WAJIB

1) Niat
2) Menghilangkan najis aini daripada badan
3) Meratakan air keseluruh anggota badan

PERKARA SUNAT MANDI WAJIB

1) Menyelati rambut
2) Membaca basmalah
3) berwuduk
4) Mendahului anggota kanan
5) Berdoa selepas mandi
6) Menggosok anggota badan

HUKUM MANDI WAJIB

WAJIB

TAHUN 4

AZAN DAN IQAMAT

PENGERTIAN AZAN

Lafaz tertentu untuk memberitahu masuknya waktu solat.

PENGERTIAN IQAMAT

lafaz tertentu bertujuan meminta orang bangun untuk solat.

HUKUM AZAN DAN IQAMAT

Sunat muakkad

(Ustazah Azizah)

Scanned by CamScanner

PERKARA SUNAT KETIKA AZAN

1) Menghadap qiblat
2) Suci daripada hadas
3) Memalingkan muka kekiri ketika melafazkan حی علی الفلاح
4) Lafaz secara tertib
5) Muazzin bersuara nyaring dan merdu
6) Memalingkan muka kekiri ketika melafazkan حی علی الصلاة

PERKARA MAKRUH KETIKA AZAN

1) Bercakap ketika azan
2) Memanjangkan suara sehingga mengubah makna dan lafaz azan
3) Kanak-kanak belum mumaiyiz
4) Orang fasik
5) Duduk

KEGUNAAN AZAN SELAIN DARIPADA SOLAT

1) Dilafazkan ditelinga bayi baru lahir
2) Ketika kecemasan seperti kebakaran
3) Mengiringi orang musafir
4) Merawat mangsa rasukan syaitan
5) Ketika sesat dalam perjalanan
6) Menghadapi peperangan

PERBEZAAN AZAN DAN IQAMAT

AZAN	IQAMAT
Kalimah azan dilafaz dua kali	Kalimah iqamat dilafaz sekali sahaja
Sekali bagi solat fardu	Sunat sekali bagi solat fardu dan qada
Suara yang nyaring	Suara yang perlahan

SOLAT FARDU

PENGERTIAN SOLAT

DARI SEGI BAHASA :

Doa atau permohonan

DARI SEGI SYARAK :

Perkataan atau perbuatan yang dimulai dengan takbiratul ihram dan disudahi dengan salam

RUKUN SOLAT

1) Niat
2) Berdiri tegak
3) Takbiratul ihram
4) Membaca Alfatihah
5) Rukuk serta tomakninah
6) Iktidal serta tomakninah
7) Sujud serta tomakninah
8) Duduk antara dua sujud serta tomakninah
9) Duduk tahiyat akhir
10) Membaca tahiyat akhir
11) Membaca selawat
12) Memberi salam
13) Tertib

(Ustazah Azizah)

Scanned by CamScanner

SYARAT WAJIB SOLAT

1) Islam
2) Baligh
3) berakal
4) Sampai seruan dakwah
5) Suci daripada haid dan nifas

SYARAT SAH SOLAT

1) Suci badan, pakaian dan tempat solat daripada najis
2) Suci daripada hadas kecil dan besar
3) Yakin masuk waktu solat
4) Menghadap qiblat
5) Menutup aurat

RUKUN SOLAT

RUKUN QALBI (Hati)	RUKUN FI'LI (Perbuatan)	RUKUN QAULI (Sebutan)
• Niat • Tertib	• Berdiri tegak • Rukuk • Iktidal • Sujud • Duduk antara dua sujud • Duduk tahiyat akhir	• Takbiratul ihram • Membaca Alfatihah • Membaca tahiyat akhir • Membaca selawat • Salam

PERKARA SUNAT DALAM SOLAT

SUNAT AB'AD	SUNAT HAI'AH
Sunat ab'ad ialah perkara sunat yang apabila ditinggalkan perlu diganti dengan sujud sahwi	Sunat hai'ah pula ialah perkara sunat yang apabila ditinggalkan tidak perlu diganti dengan sujud sahwi.
• Membaca tahiyat awal • Selawat keatas nabi ketika tahiyat awal • Selawat keatas keluarga nabi pada tahiyat akhir • Duduk tahiyat awal • Membaca doa qunut • Selawat ketika doa qunut • Selawat keatas keluarga dan sahabat nabi ketika doa qunut • Berdiri ketika membaca doa qunut	• Membaca doa iftitah • Membaca istiazah • Menyebut "aamin" setelah bacaan Al-Fatihah • Membaca surah lazim • Membaca tasbih ketika rukuk dan sujud

(Ustazah Azizah)

Scanned by CamScanner

PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT

- Berubah niat
- Terbuka aurat
- Ketawa sehingga mengeluarkan suara
- Terkena najis pada badan, pakaian atau tempat
- Bergerak melebihi tiga kali
- Murtad
- Makan dan minum dengan sengaja
- Bercakap dengan sengaja
- Menambah rukun fi'li
- Berhadas

SOLAT JUMAAT

PENGERTIAN SOLAT JUMAAT

Solat dua rakaat yang dilakukan secara berjemaah pada waktu zuhur hari jumaat dimasjid atau tempat tertentu dan didahului dengan dua khutbah.

HUKUM SOLAT JUMAAT

Fardu ain keatas setiap lelaki muslim yang cukup syarat-syaratnya.

SYARAT WAJIB SOLAT JUMAAT

1) Islam
2) Baligh
3) Lelaki
4) Tidak uzur
5) Merdeka
6) Bermastautin
7) Berakal

SYARAT SAH SOLAT JUMAAT

1) Dilakukan secara berjemaah
2) Ditunaikan dalam waktu zuhur
3) Sekurang-kurangnya 40 orang termasuk imam yang cukup syarat
4) Ditunaikan ditempat yang ditentukan seperti masjid
5) Didahului dengan dua khutbah

KHUTBAH JUMAAT

PENGERTIAN KHUTBAH

Ucapan yang wajib disampaikan sebelum solat jumaat didirikan.
(orang yang membaca khutbah dipanggi khatib)

RUKUN KHUTBAH

1) Memuji Allah
2) Berselawat keatas nabi
3) Menyebut "ITTAQULLAH"
4) Membaca sepotong ayat AlQuran
5) Membaca doa bagi setiap orang mukmin

(Ustazah Azizah)

Scanned by CamScanner

HIKMAH SOLAT JUMAAT

1) Memuliakan hari jumaat
2) Mengeratkan silaturrahim diantara umat islam
3) Mengambil iktibar daripada khutbah yang disampaikan

Tahun 5

SOLAT JAMAK DAN QASAR

PENGERTIAN SOLAT JAMAK

Solat jamak ialah menghimpunkan dua solat fardu kedalam satu waktu.

JENIS SOLAT JAMAK

JAMAK TAKDIM – himpun dahulu
JAMAK TAKHIR – himpun kemudian

SOLAT YANG BOLEH DIJAMAKKAN

- Zuhur dan asar
- Maghrib dan isyak

PENGERTIAN SOLAT QASAR

Memendekkan solat fardu empat rakaat menjadi dua rakaat

SOLAT YANG BOLEH DIQASARKAN

- Zuhur
- Asar
- Isyak

SYARAT JAMAK TAKDIM

- Solat ditunaikan secara tertib dengan mendahulukan solat zuhur kemudian solat asar atau solat maghrib kemudian solat isyak
- Berniat menunaikan jamak takdim dalam takbiratul ihram solat pertama
- Berturut-turut dalam kedua-dua solat jamak

SYARAT JAMAK TAKHIR

- Berniat menjamakkan solat pertama kepada solat yang kedua
- Masih dalam keadaan bermusafir

(Ustazah Azizah)

Scanned by CamScanner

SYARAT SOLAT QASAR

- Perjalanan yang diharuskan syarak
- Perjalanan melebihi 2 marhalah
- Tidak mengikut imam yang solat tamam(sempurna)
- Hanya solat 4 rakaat yang boleh diqasarkan

PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT JAMAK DAN QASAR

- Tiba ketempat asal sebelum selesai solat yang kedua
- Sampai ketempat yang dituju dan berniat menetap empat hari atau lebih

SOLAT ORANG UZUR DAN SOLAT DALAM KENDERAAN

PENGERTIAN SOLAT ORANG UZUR

Solat bagi orang yang tidak berupaya mengerjakan solat secara berdiri

CARA SOLAT ORANG UZUR

- Solat secara duduk (*duduk iftirash, bersila atau duduk diatas kerusi)*
- Solat secara mengiring *(muka dan dada menghadap qiblat)*
- Solat secara menelentang *(kaki kearah qiblat dengan kepala menghadap qiblat*)
- Solat isyarat mata
- Solat isyarat hati

SOLAT DALAM KENDERAAN

- Jika boleh berdiri, afdal berdiri. Jika tidak boleh,duduk.
- Menghadap qiblat . Jika tidak boleh menghadap kemana-mana sahaja tetapi niat perlu dengan menghadap qiblat.
- Semua perbuatan dalam solat hendaklah mengikut kenderaan.

(Ustazah Azizah)

Scanned by CamScanner

SOLAT SUNAT

PENGERTIAN SOLAT SUNAT

Ibadah solat yang diunjurkan dalam islam tetapi tidak diwajibkan.

JENIS-JENIS SOLAT SUNAT

- Solat sunat dhuha
- Solat sunat terawih
- Solat sunat gerhana bulan
- Solat sunat tahiyatul masjid
- Solat sunat rawatib
- Solat sunat istisqa(minta hujan)
- Solat sunat istikharah
- Solat sunat aidilfitri
- Solat sunat aidiladha
- Solat sunat witir
- Solat sunat tasbih

SOLAT SUNAT RAWATIB

- Solat sunat yang mengiringi solat fardu
- Terbahagi kepada dua
  : qabliyah (sebelum)
  :ba'diyah (selepas)

SOLAT JENAZAH

Pengertian solat jenazah

Solat yang dilakukan oleh orang islam yang hidup keatas jenazah orang islam .

HUKUM SOLAT JENAZAH

Fardu kifayah

RUKUN SOLAT JENAZAH

1) Berdiri tegak
2) Niat
3) Empat kali takbir
4) Membaca Al-Fatihah
5) Selawat keatas nabi
6) Mendoakan jenazah
7) Memberi salam

(Ustazah Azizah)

Scanned by CamScanner

PERKARA SUNAT SOLAT JENAZAH

- Imam berdiri setentang dengan kepala jenazah lelaki
- Imam berdiri setentang dengan pinggang bagi jenazah perempuan
- Dilakukan secara berjemaah
- Solat jenazah dilakukan di masjid
- Memperlahankan bacaan

HIKMAH SOLAT JENAZAH

- Mendoakan dan memohon keampunan untuk jenazah
- Tanda penghormatan terakhir keatas jenazah
- Menunjukkan persaudaraan islam

PUASA RAMADAN

PENGERTIAN PUASA

Menahan diri daripada makan dan minum serta perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar sodiq hingga terbenam matahari.

SYARAT WAJIB PUASA

1) Islam
2) Baligh
3) Berakal
4) Mampu berpuasa
5) Suci daripada haid dan nifas

SYARAT SAH PUASA

1) Islam
2) Mumaiyiz
3) Suci daripada haid dan nifas
4) Menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa

PERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA

1) Makan dan minum dengan sengaja
2) Berbuka sebelum waktu
3) Haid dan nifas
4) Murtad
5) Pengsan sepanjang hari
6) Bersetubuh di siang hari
7) Keluar mani dengan sengaja
8) Muntah dengan sengaja
9) Memasukkan sesuatu kedalam rongga badan

(Ustazah Azizah)

Scanned by CamScanner

PERKARA SUNAT PUASA

1) Membaca AlQuran
2) Membanyakkan sedeqah
3) Melewatkan sahur
4) Mempercepatkan berbuka apabila masuk waktu
5) Berbuka dengan makanan yang manis

PERKARA MAKRUH PUASA

1) Kerap berkumur-kumur
2) Menggosok gigi setelah gelincir matahari
3) Mengambil darah atau berbekam
4) Melihat perkara haram
5) Bercakap perkara yang sia-sia

HIKMAH PUASA

- Diampunkan dosa yang lalu
- Doa dimakbulkan
- Menghindarkan penyakit
- Melati diri bersabar

TAMAT

(Ustazah Azizah)

Scanned by CamScanner